



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

14 September 2023

KENYATAAN MEDIA MINGGUAN PAC

Prosiding Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE)

1. Hari ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengadakan Prosiding Pengurusan Wabak COVID-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personal Protective Equipment* (PPE) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2: Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan.
2. Ini prosiding ketiga membabitkan isu ini, dan hadir bagi memberikan penjelasan dan keterangan adalah **YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob**, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), **YBrs. Encik Izaddeen bin Daud**, Pengerusi PHARMANIAGA dan **YBrs. Encik Ahmad Shahredzuan bin Mohd Shariff**, Pengerusi, Exco PHARMANIAGA.
3. Prosiding pertama telah diadakan pada 15 Jun 2023, membabitkan **YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob**, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.

4. Manakala, prosiding kedua telah diadakan pada 22 Ogos 2023. Jawatankuasa ini telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada **YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min** dan **YBhg. Dato Sri Mohd Shafiq bin Abdullah**, Mantan Ketua Setiausaha (KSU) KKM, **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham Abdullah**, Mantan Ketua Pengarah Kesihatan serta **Datin Seri Dr. Asmah binti Samat**, Mantan Ketua Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan KKM.
5. Selepas mendengar penjelasan dan keterangan daripada saksi-saksi yang hadir dalam prosiding hari ini, PAC membuat keputusan untuk meneruskan prosiding keempat berhubung isu ini dengan memanggil mantan Menteri Pengangkutan, **YB Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong** yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam serta mantan KSU KKM, **YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min**. Prosiding ini dijadualkan diadakan pada 21 September 2023, Khamis depan.
6. PAC memerlukan keterangan dan penjelasan daripada YB Datuk Seri Dr Wee memandangkan nama beliau disebut dalam prosiding sebelum ini dan untuk berlaku adil kepada beliau, PAC mendengar penjelasan YB Datuk Seri Dr Wee. Tetapi saya tidak akan mendedahkan atas sebab apa, memandangkan prosiding PAC tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 85 Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.
7. Surat panggilan mesyuarat kepada saksi-saksi ini akan dikeluarkan hari ini, dan saya mohon supaya saksi-saksi berkenaan hadir bagi membantu PAC melengkapkan siasatan terhadap isu ini.

Prosiding Menteri Kewangan (Diperbadankan) - FELCRA Berhad

8. PAC akan memanggil 2 mantan Pengerusi FELCRA Berhad iaitu YBhg. Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Bung Mokhtar bin Radin pada Isnin depan, 18 September 2023 bagi memberikan penjelasan dan keterangan berhubung isu FELCRA Berhad yang dilaporkan dalam LKAN 2021 Siri 2: Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
9. Buat pengetahuan semua, PAC telah menjalankan 3 prosiding berhubung FELCRA Berhad iaitu pada 27 Jun 2023, 6 Julai 2023 dan 23 Ogos 2023.

Prosiding Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan (MINDEF)

10. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, PAC Parlimen ke-15 akan mendapat taklimat setiap 3 bulan daripada MINDEF berhubung kemajuan kapal LCS. Sehubungan itu, PAC akan memanggil Kementerian Pertahanan pada 3 Oktober 2023 bagi mendapatkan penjelasan berkenaan Kemajuan Projek Pembinaan LCS bagi bulan Jun 2023 sehingga Ogos 2023. Sebelum ini, PAC telah mendengar perkembangan berhubung projek LCS bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 pada 10 Jun 2023.

Pembentangan Laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 dan Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan

Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

11. Setakat ini, PAC Parlimen ke-15 telah memuktamadkan 2 laporan iaitu:-
- i. Laporan Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023; dan
 - ii. Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Kedua-dua laporan ini dijangka akan dibentangkan pada minggu pertama, mesyuarat ketiga, Parlimen ke-15 2023.

Prosiding Baharu ke atas Tabung Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)

12. Sukacita dimaklumkan bahawa PAC sebulat suara bersetuju untuk memulakan prosiding ke atas Tabung Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF). Tajuk bagi prosiding ini akan ditentukan kemudian dan PAC dijangka memulakan prosiding berhubung isu ini pada minggu kedua, mesyuarat ketiga, Parlimen ke-15 2023.

Penyahklasifikasi Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung Projek Tukar Tanah di bawah MINDEF

13. PAC menuntut jawapan daripada pihak Kerajaan khususnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said berkenaan penyahklasifikasi Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung Projek Tukar Tanah di bawah MINDEF.
14. PAC telah menghantar surat berhubung perkara ini pada 13 Jun 2023 dan telah menerima surat maklum balas daripada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said pada 27 Jun 2023. Dalam surat tersebut, Yang Berhormat Menteri memaklumkan bahawa perkara ini akan diteliti dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh Kerajaan.
15. Namun setelah hampir 3 bulan, Kerajaan masih belum memaklumkan kepada PAC sebarang keputusan berhubung perkara ini.
16. Justeru, PAC menggesa pihak Kerajaan supaya mempercepatkan proses penyahklasifikasi memandangkan JKSTUPKK telah pun membentangkan laporan berkenaan kepada PAC Parlimen ke-14 pada 2 April 2019 dan 16 November 2020. Ini bagi membolehkan PAC Parlimen ke-15 meneliti semula perkara ini memandangkan Kerajaan telah kerugian lebih RM 500 juta selain kedudukan strategik pertahanan terjejas.
17. Selepas laporan JKSTUPKK Tukar Tanah ini dinyahklasifikasi, PAC akan memulakan prosiding berhubung isu ini bagi membolehkan rakyat mengetahui perkara sebenar.

Hal-Hal Lain

18. Akhir kata, PAC berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua saksi khususnya pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara dan syarikat korporat yang terlibat dengan prosiding yang telah dilaksanakan oleh PAC. Ribuan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen